Hsu Shih Hung dan lain-lain lwn Komandan Depot Imigresen Belantik, Kedah dan lain-lain dan satu lagi permohonan

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN JENAYAH NO BA-44–111–09 TAHUN 2023 DAN BA-44–115–09 TAHUN 2023 LATIFAH MOHD TAHAR H
3 NOVEMBER 2023

B

Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan untuk — Pemohon-pemohon ditangkap dan ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 ('Akta') — Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur semasa pemohon-pemohon ditahan di bawah s 35 dan 34 Akta — Sama ada responden gagal mematuhi keperluan prosedur di bawah perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan dan s 51(5)(b) Akta dan menyebabkan penahanan pemohon-pemohon menjadi tidak sah — Sama ada penahanan pemohon-pemohon telah dibuat secara mala fide oleh responden — Sama ada hak akses pemohon-pemohon telah dinafikan sepanjang ditahan — Sama ada hak pemohon-pemohon untuk diwakili oleh peguam dinafikan — Sama ada permohonan reman tidak dijelaskan dalam bahasa yang difahami — Sama ada terdapat pelanggaran doktrin keadilan

C

D

E

Pemohon-pemohon yang merupakan warganegara China dan Taiwan telah ditangkap pada 3 Julai 2023 oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Kedah untuk tujuan penyiasatan di bawah s 420 Kanun Keseksaan. Pada 13 Julai 2023, pemohon-pemohon telah dibawa ke mahkamah atas tuduhan di bawah s 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 ('Akta'). Pada tarikh tersebut, mereka masih mempunyai pas lawatan sosial ('PLS') dan visa yang sah memandangkan PLS pemohon-pemohon tamat pada 22 Julai 2023 dan 23 Julai 2023. Pihak pendakwaan memohon supaya pemohon-pemohon dilepaskan tanpa dibebaskan ('DNAA') dan permohonan DNAA telah dibenarkan. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon telah ditahan semula pada 22 Ogos 2023 di bawah s 35 Akta. Satu perintah pemindahan (*order of removal*) di bawah s 56(2) Akta bertarikh 23 Ogos 2023 telah dikeluarkan kepada pemohon-pemohon selepas penahanan di bawah s 35 Akta. Lanjutan daripada perintah pemindahan tersebut, pada tarikh yang sama, iaitu pada 23 Ogos 2023, satu perintah penahanan (*order of detention*) juga dikeluarkan di bawah s 34(1) Akta. Pemohon-pemohon dari China telah diusir pada 3 Oktober 2023. Oleh itu, dua notis usul difailkan oleh pemohon-pemohon memohon satu writ habeas corpus kerana terdapat pelanggaran terhadap Perlembagaan Persekutuan dan ketidakpatuhan di dalam penggunaan undang-undang berkaitan Akta oleh Jabatan Imigresen Malaysia; dan pemohon-pemohon dilepaskan dan dibebaskan dengan serta merta. Pemohon-pemohon menyatakan, antara lain, bahawa: (a) mereka bukan 'persons liable to removal'

F

G

H

I

di bawah s 35 Akta dan tidak boleh ditahan melebihi 30 hari; (b) mereka sepatutnya diberikan satu pas khas sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 ('Peraturan') memandangkan PLS yang dimiliki oelh pemohon-pemohon telah tamat tempoh; (c) hak akses pemohon-pemohon kepada peguam telah dinafikan; (d) hak pemohon-pemohon untuk diwakili oleh peguam dinafikan; (e) permohonan reman tidak dijelaskan dalam bahasa yang difahami; dan (f) tindakan responden menggunakan 'Google Translate' ketika menerangkan perintah penahanan dan perintah pemindahan kepada pemohon-pemohon adalah satu pelanggaran doktrin keadilan prosedur dan doktrin keadilan substantif. Pemohon-pemohon juga mempertikaikan bahasa yang digunakan, iaitu Bahasa Chinese (*simplified*) sedangkan pemohon-pemohon memahami Bahasa Mandarin. Responden telah membangkitkan bantahan awal bahawa: (i) afidavit tidak dideposkan oleh pemohon-pemohon; dan (ii) permohonan pemohon-pemohon warganegara China telah menjadi akademik.

Diputuskan, menolak notis usul:

(1) Daripada afidavit-afidavit yang diikrarkan oleh Wong Kee Fook iaitu rakan kepada pemohon-pemohon, tiada sebarang keterangan kukuh untuk menunjukkan pemohon-pemohon tidak dapat mengikrarkan afidavit masing-masing akibat dihalang, dipaksa atau lain-lain sebab yang mencukupi untuk mengguna pakai s 367 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Alasan yang diberikan oleh Wong Kee Fook tidak melayakkan pengecualian diberikan di bawah s 367 KTJ. Seterusnya, mengambil kira bahawa pemohon-pemohon warganegara China telah diusir pada 3 Oktober 2023 maka permohonan habeas corpus oleh pemohon-pemohon telah menjadi akademik (lihat perenggan 11, 14 & 16).

(2) Semasa pemohon-pemohon ditahan di bawah s 35 Akta, pemohon-pemohon memiliki PLS yang telah tamat tempoh. Maka, pemohon-pemohon telah melanggar peruntukan s 15(1)(c) Akta. Adalah cukup untuk membuktikan pemohon-pemohon terjumlah sebagai orang yang dipercayai, dengan munasabah, sebagai orang yang kena dipindahkan dari Malaysia. Responden telah membuat pertimbangan sama ada satu perintah bagi pemindahan pemohon-pemohon patut dibuat dalam tempoh 30 hari tersebut selaras dengan tempoh yang ditetapkan oleh s 35 Akta. Oleh itu, penahanan adalah teratur dan sah menurut undang-undang serta tiada ketidakpatuhan prosedur sepanjang penahanan pemohon-pemohon bawah s 35 Akta (lihat perenggan 26–27, 30 & 35–36).

(3) Pemohon-pemohon yang ditahan di bawah s 34 Akta pada 23 Ogos 2023 telah direman lanjut dan disambung reman semula. Pemohon-pemohon telah dibawa di hadapan hakim mahkamah sesyen

bagi tujuan tahanan lanjut reman, maka tiada lagi isu berkaitan ketidakpatuhan terhadap undang-undang tersebut. Penahanan pemohon-pemohon adalah teratur dan sah menurut undang-undang serta tiada ketidakpatuhan prosedur dilakukan sepanjang penahanan di bawah s 34 Akta (lihat perenggan 44, 46 & 48).

(4) Pada 23 Ogos 2023, satu perintah penahanan bawah s 34 Akta telah dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon. Selaras dengan keperluan bawah s 51(5)(b) Akta, permohonan tahanan lanjut reman telah dilakukan terhadap pemohon-pemohon dan telah dibenarkan oleh mahkamah bagi tempoh 14 hari, iaitu pada 6 September 2023 hingga 20 September 2023 dan kemudian disambung reman tersebut bermula 20 September 2023 hingga 4 Oktober 2023. Penahanan yang dibuat adalah teratur dan mematuhi kehendak perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan dan s 51(5)(b) Akta (llihat perenggan 53–54 & 56).

(5) Pemohon-pemohon hendaklah menggunakan keseluruhan pemakaian peraturan 11 Peraturan terlebih dahulu. Pengeluaran pas khas terhadap pemohon-pemohon akan menjadi tidak relevan memandangkan pada asalnya pemohon-pemohon telah masuk ke Malaysia menggunakan PLS dan pengawal mempunyai kuasa mutlak mengeluarkan apa-apa pas kepada mana-mana orang tertakluk pada peruntukan perundangan terhadap pas-pas tersebut. Kuasa diberikan secara mutlak kepada pengawal di bawah Akta dan merupakan isu polisi yang tidak sepatutnya disentuh mahkamah (lihat perenggan 60–61).

(6) Tindakan pemindahan yang dilakukan oleh pihak Depot Imigresen Bukit Jalil adalah selaras dengan perintah pemindahan dan perintah penahanan yang telah dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon. Perintah tahanan yang dikeluarkan adalah di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen yang mana telah menurunkan kuasanya di bawah s 3(3)(b) Akta kepada Pegawai Kanan Imigresen untuk melaksanakan dan menguatkuasakan kuasa-kuasanya di bawah Akta (lihat perenggan 63).

(7) Memandangkan pemohon-pemohon masih ditahan bawah Akta, maka penanahan pemohon-pemohon juga tertakluk pada s 51(5)(b) Akta. Reman yang dibuat bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah dibezakan dengan reman yang dibuat terhadap pemohon-pemohon di bawah s 51(5)(b) Akta. Akta tidak memperuntukkan tatacara khusus mengenai kehadiran peguam semasa pemohon-pemohon dibawa ke mahkamah bagi tujuan reman tersebut. Pemohon-pemohon telah dibawa di hadapan hakim mahkamah sesyen yang semestinya telah berpuas hati dan mendapati pemohon-pemohon faham sebelum perintah tahanan reman selama 14 hari dibenarkan (lihat perenggan 65–66 & 69).

(8) Responden telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menggunakan 'Google Translate' ketika menerangkan perintah penahanan dan perintah pemindahan pada pemohon-pemohon dalam Bahasa Chinese (*simplified*). Pemohon-pemohon faham akan Bahasa Chinese (*simplified*) dan dengan tindakan pemohon-pemohon yang menurunkan cap jari dalam perintah penahanan dan perintah pemindahan jelas menunjukkan bahawa pemohon-pemohon faham dengan jelas tentang perintah penahanan dan perintah pemindahan tersebut (lihat perenggan 72 & 74).

[English summary

Applicants who were citizens of China and Taiwan were arrested on 3 July 2023 by the Commercial Crime Investigation Department of Kedah IPK for investigation purposes under s 420 of the Penal Code. On 13 July 2023, the applicants were brought to court on charges under s 6(1)(c) of the Immigration Act 1959/63 ('the Act'). On that date, they still had valid social visit passes ('SVP') and visas as the applicants' SVPs were set to expire on 22 July 2023 and 23 July 2023. The prosecution requested that the applicants be discharged not amounting to an acquittal ('DNAA'), and the DNAA application was granted. However, the applicants were re-arrested on 22 August 2023, under s 35 of the Act. An order of removal under s 56(2) of the Act dated 23 August 2023, was issued to the applicants following the detention under s 35 of the Act. Following the order of removal, on the same date ie 23 August 2023, an order of detention was also issued under s 34(1) of the Act. The applicants from China were deported on 3 October 2023. Therefore, two motions were filed by the applicants seeking a writ of habeas corpus due to alleged violations of the Federal Constitution and non-compliance with the applicable laws related to the Act by the Malaysian Immigration Department; and for the applicants to be immediately released and acquitted. The applicants stated, among other things, that: (a) they were not 'persons liable to removal' under s 35 of the Act and could not be detained for more than 30 days; (b) they should have been granted a special pass as provided for in reg 14 of the Immigration Regulations 1963 ('Regulations') since the applicants' SVPs had expired; (c) the applicants' access to lawyers had been denied; (d) the applicants' right to be represented by lawyers had been denied; (e) the remand application had not been explained in a language they understood; and (f) the respondent's use of 'Google Translate' in explaining the detention and removal orders to the applicants had been a violation of the doctrine of procedural justice and the doctrine of substantive justice. The applicants also disputed the language used, which was Chinese (simplified), while the applicants understood Mandarin. The respondents raised preliminary objections that: (i) the affidavits had not been filed by the applicants; and (ii) the application of the applicants who were citizens of China had become academic.

Held, dismissing the notice of motion:

(1) From the affidavits sworn by Wong Kee Fook, who was a friend of the applicants, there was no solid evidence to show that the applicants were unable to swear their own affidavits due to being obstructed, coerced, or for any other sufficient reasons to apply s 367 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). The reasons given by Wong Kee Fook did not justify an exemption under s 367 CPC. Furthermore, considering that the applicants, who were Chinese nationals, were deported on 3 October 2023, the habeas corpus application by the applicants had become academic (see paras 11, 14 & 16).

(2) While the applicants were detained under s 35 of the Act, they had expired SVPs. Therefore, the applicants had violated the provisions of s 15(1)(c) of the Act. It was sufficient to prove that the applicants reasonably amounted to persons believed to be liable to removal from Malaysia. The respondents had considered whether an order for the removal of the applicants should be made within the 30-day period in accordance with the period stipulated by s 35 of the Act. Therefore, the detention was orderly and lawful and there was no procedural non-compliance throughout the applicants' detention under s 35 of the Act (see paras 26–27, 30 & 35–36).

(3) The applicants who were detained under s 34 of the Act on 23 August 2023 were further remanded and had their remand extended again. The applicants were brought before a sessions court judge for the purpose of further remand detention, so there were no more issues related to non-compliance with the law. The detention of the applicants was orderly and lawful and no procedural non-compliance occurred during the detention under s 34 of the Act (see paras 44, 46 & 48).

(4) On 23 August 2023, a detention order under s 34 of the Act was issued against the applicants. In accordance with the requirements under s 51(5)(b) of the Act, an application for further remand was made against the applicants and was granted by the court for 14 days, from 6 September 2023 to 20 September 2023, and then the remand was extended from 20 September 2023 to 4 October 2023. The detention made was orderly and complied with the requirements of art 5(4) of the Federal Constitution and s 51(5)(b) of the Act (see paras 53–54 & 56).

(5) The applicants were required to fully utilise the application of reg 11 of the Regulations first. The issuance of a special pass to the applicants would become irrelevant since the applicants originally entered Malaysia using an SVP and the controller had absolute power to issue any pass to any person subject to the legislative provisions regarding those passes. The power was given absolutely to the controller under the Act and was a policy issue that should not be addressed by the court (see paras 60–61).

(6) The transfer action carried out by the Bukit Jalil Immigration Depot was in accordance with the removal order and detention order issued against the applicants. The detention order issued was under the jurisdiction of the Director-General of Immigration, who had delegated his powers under s 3(3)(b) of the Act to Senior Immigration Officer to execute and enforce his powers under the Act (see para 63).

(7) Since the applicants were still detained under the Act, their detention was also subject to s 51(5)(b) of the Act. The remand made under s 117 of the Criminal Procedure Code should be differentiated from the remand made against the applicants under s 51(5)(b) of the Act. The Act did not provide specific procedures regarding the presence of lawyers when the applicants were brought to court for that remand purpose. The applicants were brought before a sessions court judge who had been satisfied and found that the applicants understood before the 14-day remand detention order was granted (see paras 65–66 & 69).

(8) The respondents took appropriate action by using 'Google Translate' when explaining the detention order and removal order to the applicants in Chinese (simplified). The applicants understood Chinese (simplified), and the action of the applicants affixing their fingerprints on the detention and removal orders clearly showed that the applicants understood the detention and removal orders clearly (see paras 72 & 74).]

Kes-kes yang dirujuk

Andrew s/o Thamboosamy v Superintendent of Pudu Prisons, Kuala Lumpur [1976] 2 MLJ 156; [1976] 1 LNS 5, MP (dirujuk)

Khaeryll Benjamin Ibrahim v Ketua Polis Negara & Ors [2010] 6 CLJ 777, MT (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914, MT (dirujuk)

Mohd Nazir bin Badar Shair v Timbalan Menteri Dalam Negeri [2000] 2 MLJ 559; [2000] 2 CLJ 805, MT (diikut)

Ooi Ah Phua v Officer-in-Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis [1975] 2 MLJ 198; [1975] 1 LNS 117, MP (dirujuk)

Sajad Hussain Wani lwn Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dan satu lagi [2007] MLJU 897; [2008] 2 CLJ 403, MT (dirujuk)

Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 405; [2006] 1 CLJ 593, MP (dirujuk)

Shudangshu Chandra v Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Ors [2022] 3 MLJ 277; [2022] 3 CLJ 503, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 ss 2(1), (3), 3(3) , (3)(b), 6(1)(c), 15(1)(c), 34, 34(1), 35, 51(5)(b), 51B, 56(2)

Kanun Keseksaan s 420
Kanun Tatacara Jenayah ss 117, 366
Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 peraturan 11, 11(1)(i), 14
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(4)

Jay Moy (Benjamin Tan dan Alvin Tan bersamanya) (Lee Law Office) bagi pihak pemohon-pemohon.
Nur Shahmeera Mustafa (Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden-responden.

Latifah Mohd Tahar H:

PENGENALAN

[1] Lampiran 1 dalam kedua-dua notis usul bertarikh 24 September 2023 dan 26 September 2023 memohon kepada mahkamah untuk satu writ *habeas corpus* kerana terdapatnya pelanggaran terhadap Perlembagaan Persekutuan (sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan tersebut) dan ketidakpatuhan di dalam penggunaan undang-undang berkaitan dengan Akta Imigresen 1959/63 (di mana tahanan pemohon-pemohon di bawah s 35 Akta Imigresen 1959/63 oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah tidak sah) dan pemohon-pemohon seharusnya dilepaskan dan dibebaskan dengan serta-merta.

[2] Kedua-dua kes BA-44–111–09 Tahun 2023 dan BA-44–115–09 Tahun 2023 didengar secara bersama mengambil kira bahawa pemohon-pemohon telah ditangkap dan ditahan pada masa yang sama dan keadaan fakta yang sama kecuali warganegara yang terlibat dalam kes BA-44–111–09 Tahun 2023, pemohon-pemohon adalah warganegara dari Taiwan dan dalam kes BA-44–115–09 Tahun 2023, pemohon-pemohon adalah warganegara dari China.

[3] Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa dalam sesuatu permohonan *habeas corpus,* satu-satunya isu yang boleh dicabar adalah isu ketidakpatuhan prosedur' dan bukannya atas alasan lain (kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914).

PIHAK RESPONDEN TELAH MEMBANGKITKAN BANTAHAN AWAL BAHAWA AFIDAVIT TIDAK DIDEPOSKAN OLEH PEMOHON-PEMOHON

[4] Bantahan awal yang dibangkitkan oleh responden adalah berkaitan afidavit yang tidak dideposkan oleh pemohon-pemohon.

[5] Mengikut En Wong Kee Fook dalam afidavit sokongan pemohon-pemohon (kandungan 2) yang diikrarkan oleh beliau, alasan beliau mengikrar afidavit adalah seperti berikut:

(i) beliau adalah rakan kepada pemohon-pemohon;

(ii) beliau mengikrar afidavit dalam permohonan ini untuk menyokong permohonan pemohon-pemohon kerana permohonan ini perlu didengarkan dengan kadar segera; dan

(iii) berpendapat bahawa peguam pemohon-pemohon tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk mengatur satu temu janji dengan pemohon-pemohon bersama dengan Pesuruhjaya Sumpah dalam masa yang singkat.

[6] Mengikut s 366 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') (Akta 593):

> Tiap-tiap permohonan untuk dibawa ke hadapan mahkamah seseorang yang ditahan atas waran ekstradisi atau dikatakan ditahan dengan menyalahi undang-undang atau dengan tidak sepatutnya, *hendaklah* disokong dengan afidavit yang menyatakan dimana dan oleh siapa orang itu ditahan dan, setakat yang diketahui, fakta berhubung dengan penahanan itu, dengan tujuan supaya mahkamah berpuas hati bahawa ada alasan yang mungkin bagi mempercayai yang orang itu ditahan tanpa kemahuannya dan tanpa sebab-sebab yang berpatutan. (Penekanan ditambah.)

[7] Mahkamah juga merujuk kepada kes *Khaeryll Benjamin Ibrahim v Ketua Polis Negara & Ors* [2010] 6 CLJ 777 yang menyatakan dengan jelas bahawa suatu permohonan *habeas corpus* perlu disokong dengan afidavit seperti berikut:

> [51](i) ... it is also the court's view that s 366 of the CPC makes it abundantly clear that *it imposes a mandatory obligation that a habeas corpus application shall be supported by an affidavit* stating where and whom the person is detained which confined the purpose of the said application to the appropriate detaining authority, I think there was no dispute as to whom had detained the applicant. (Penekanan ditambah.)

[8] Seksyen 366 KTJ perlu dibaca bersama dengan s 367 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> Afidavit yang dikehendaki oleh s 366 *hendaklah dibuat oleh orang yang ditahan* itu atau orang yang dikatakan ditahan itu *melainkan* ditunjukkan bahawa disebabkan dihalang atau dipaksa atau lain-lain sebab yang mencukupi yang dia tidak boleh membuatnya, dalam keadaan sedemikian afidavit itu hendaklah dibuat oleh orang lain. (Penekanan ditambah.)

[9] Mengikut kes *Mohd Nazir bin Badar Shair v Timbalan Menteri Dalam*

Negeri [2000] 2 MLJ 559; [2000] 2 CLJ 805, walaupun s 367 KTJ 'is an exception to the general rule it must be strictly construed'. Perlu dibuktikan oleh pemohon (orang kena tahan) bahawa wujudnya keterangan positif yang menunjukkan kesukaran dan kesulitan yang dialami yang memerlukan orang lain untuk membuat afidavit.

[10] Walaupun kesukaran untuk mendapatkan pemohon-pemohon untuk mengikrarkan afidavit boleh terjatuh di bawah other sufficient cause tetapi afidavit yang disediakan oleh orang lain selain orang ditahan akan ada bahan dengar cakap (hearsay material). Dalam permohonan *habeas corpus,* ianya adalah final in nature dan afidavit sokongan tidak sepatutnya mengandungi unsur keterangan dengar cakap.

[11] Mahkamah mendapati daripada afidavit-afidavit yang diikrarkan oleh En Wong Kee Fook tiada sebarang keterangan kukuh untuk menunjukkan pemohon-pemohon tidak dapat mengikrarkan afidavit masing-masing akibat dihalang, dipaksa atau lain-lain sebab yang mencukupi untuk menunjukkan sedemikian bagi mahkamah ini mengguna pakai s 367 KTJ.

[12] En Wong Kee Fook hanya dalam afidavit balasan pemohon bagi kes BA-44–115–09 Tahun 2023 menyatakan salah satu sebab tidak dapat mengikrarkan afidavit disebabkan kesemua lapan pemohon dari China telah diusirkan pada 3 Oktober 2023. Perlu diberi perhatian bahawa afidavit sokongan yang difailkan oleh En Wong Kee Fook adalah pada 26 September 2023 sebelum tarikh pengusiran dibuat pada 3 Oktober 2023. Mahkamah juga mendapati bahawa dalam afidavit balasan pemohon bertarikh 26 Oktober 2023 oleh En Wong Kee Fook (kandungan 15) juga tiada alasan diberikan.

[13] Tiada fakta yang menunjukkan bahawa pemohon-pemohon dihalang, dipaksa atau atas lain-lain sebab yang mencukupi untuk menunjukkan pemohon-pemohon tidak dapat mengikrarkan afidavit tersebut. Peguam cara hanya menyatakan bahawa mereka tidak mendapat jawapan daripada responden berkaitan surat-surat bertarikh 4 Oktober 2023 dan 12 Oktober 2023 (rujuk eksh A-6 kandungan 15).

[14] Apabila mahkamah meneliti alasan-alasan yang diberikan oleh En Wong Kee Fook dalam perenggan [5](i), (ii) dan (iii) di atas adalah menjadi kewajipan mahkamah untuk mentafsirkan perkataan 'other sufficient cause' dengan tegas. Mahkamah mendapati bahawa alasan yang diberikan oleh En Wong Kee Fook rakan kepada pemohon-pemohon tidak melayakkan pengecualian diberikan di bawah s 367 KTJ.

A ISU AKADEMIK

[15] Pihak responden juga mengemukakan bantahan awal bahawa permohonan bagi kes BA-44–11 5–09 Tahun 2023 telah menjadi akademik. Mahkamah merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 405; [2006] 1 CLJ 593 yang diputuskan oleh Abdul Hamid Mohamad (HMP pada masa itu) seperti berikut:

B

> (1) *Writ habeas corpus hanya boleh diberi kepada orang yang ditahan secara fizikal dan secara tidak sah. Beliau harus sebenarnya berada didalam tahanan.* Seseorang yang tertakluk kepada perintah sekatan tidak ditahan secara fizikal atau terpenjara atau berada didalam tahanan dan kerana itu writ *habeas corpus* tidaklah layak baginya.
>
> (2) ...
>
> (3) Walaupun ibu perayu dalam permohonannya juga memohon perintah-perintah lain, satu-satunya remedi yang boleh dipohon dibawah art 5(2) Perlembagaan Persekutuan dan s 365 Kanun Tatacara Jenayah adalah *habeas corpus. Oleh kerana mahkamah, dalam hal keadaan kes, tidak boleh membuat satu-satunya perintah yang boleh dibuatnya, iaitu membebaskan perayu atas alasan mudah bahawa beliau tidak berada dibawah tahanan pada waktu mahkamah sepatutnya membuat perintah tersebut- maka writ habeas corpus menjadi sesuatu yang sia-sia.* (Penekanan ditambah.)

C

D

E

F **[16]** Mengambil kira bahawa pemohon-pemohon dalam kes BA-44–115–09 Tahun 2023 telah diusir pada 3 Oktober 2023 maka permohonan *habeas corpus* oleh pemohon-pemohon telah menjadi akademik.

G *Isu pertama: Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur semasa pemohon-pemohon ditahan di bawah Seksyen 35 Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)*

[17] Pemohon-pemohon telah ditangkap pada 3 Julai 2023 oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Kedah untuk tujuan penyiasatan di bawah s 420 Kanun Keseksaan. Sepuluh hari kemudian, pada 13 Julai 2023, pemohon-pemohon telah dibawa ke mahkamah atas tuduhan di bawah s 6(1)(c) (Akta 155). Pemohon-pemohon tidak mengaku bersalah disebabkan pada tarikh tersebut, mereka masih mempunyai pas lawatan sosial (PLS) dan visa yang sah.

H

I

[18] Semasa kes disebut semula pada 14 Ogos 2023, Pendakwa Raya mengarahkan supaya penyemakan terhadap pasport dan visa dibuat. Dan pada 22 Ogos 2023, disahkan bahawa pasport pemohon-pemohon adalah sah dan Timbalan Pendakwa Raya memohon supaya pemohon-pemohon dilepaskan

tanpa dibebaskan (DNAA) (*discharge not amounting to acquittal*). Permohonan DNAA telah dibenarkan oleh mahkamah tersebut. Walau bagaimanapun sejurus itu, pemohon-pemohon telah ditahan semula di bawah s 35 Akta 155.

[19] Tangkapan terhadap pemohon-pemohon dibuat oleh TPPI Aizat Rashid bin Abdul Aziz pada 22 Ogos 2023 di bawah s 35 Akta 155 dan selaras dengan kuasa yang telah diberikan kepada beliau di bawah s 3(3)(b) Akta 155 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 3 Appointment and powers of Director General and others
>
> (1)–(1B) ...
>
> (2) The Director General shall have the general supervision and direction of all matters relating to immigration throughout Malaysia.
>
> (3) The powers and discretions vested in the Director General by this Act, and the duties required to be discharged by him may, subject to section 4 and to such limitations as may be prescribed, be exercised and discharged by:
>
> (a) a Deputy Director General of Immigration or Director of Immigration; and
>
> (b) any senior immigration officer authorized in writing in that behalf by the Director General.

[20] Berdasarkan peruntukan di atas, adalah jelas bahawa responden ketiga selaku Ketua Pengarah Imigresen Malaysia mempunyai pengawasan dan kuasa untuk membuat sebarang arahan tentang semua perkara berkaitan dengan imigresen di seluruh Malaysia.

[21] Responden ketiga juga boleh memberikan kuasa yang diperuntukkan kepadanya kepada mana-mana Pegawai Kanan Imigresen untuk menjalankan apa-apa arahan yang berkaitan dengan hal-hal imigresen, selaras dengan s 3(3) Akta 155 dan kuasa ini termasuklah kuasa untuk menahan dan memindahkan seseorang daripada Malaysia.

[22] Dalam hal ini, TPPI Aizat Rashid bin Abdul Aziz, iaitu seorang Pegawai Kanan Imigresen telah diberikan kuasa di bawah s 3(3)(b) Akta 155 dan telah bertindak untuk melaksanakan kuasa-kuasa dan arahan-arahan yang terletak hak ke atas Ketua Pengarah Imigresen oleh Akta 155. Oleh itu, mahkamah menekankan tidak timbul lagi isu berkaitan dengan tiadanya kuasa untuk menahan di bawah s 35 tersebut.

[23] Pemohon-pemohon menyatakan bahawa mereka bukanlah 'persons liable to removal' di bawah s 35 Akta 155. Mahkamah ingin menarik perhatian kepada kuasa untuk menahan di bawah s 35 Akta 155 dinyatakan seperti yang berikut:

A

35 Power to arrest person liable to removal

Any person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia under this Act *may be arrested without warrant by any immigration officer generally or specially authorized by the Director General in that behalf or by a senior police officer, and may be detained in any prison, police station or immigration depot for a period not exceeding thirty days pending a decision as to whether an order for his removal should be made.* (Penekanan ditambah.)

B

C

[24] Pemohon-pemohon juga membangkitkan isu bahawa mereka tidak boleh ditahan melebihi 30 hari. Pemohon telah ditahan pada 22 Ogos 2023 di Depot Imigresen Belantik (DIB) dan menyatakan sepatutnya pemohon-pemohon dilepaskan pada 21 September 2023.

D

[25] Mahkamah mendapati bahawa di bawah peruntukan s 35 Akta 155 telah memberikan kuasa kepada pihak imigresen untuk menahan mana-mana orang yang dipercayai, dengan munasabah, sebagai orang yang kena dipindahkan dari Malaysia (*any person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia*) selama tempoh tidak melebihi 30 hari, sebelum keputusan sama ada suatu perintah bagi pemindahannya patut dibuat.

E

[26] Siasatan dibuat oleh responden dan mendapati bahawa semasa pemohon-pemohon ditahan di bawah s 35 Akta 155, pemohon 1, pemohon 3, pemohon 4, pemohon 7, pemohon 8, pemohon 9 dan pemohon 10 memiliki PLS yang telah tamat pada 23 Julai 2023, manakala pemohon 2, pemohon 5 dan pemohon 6 memiliki PLS yang telah tamat pada 22 Julai 2023 (terdapat dua tarikh tamat bagi kedua-dua kes ini 22 Julai 2023 dan 23 Julai 2023).

F

G

[27] Apa yang jelas pada 22 Ogos 2023, pemohon-pemohon memiliki PLS yang telah tamat tempoh, maka didapati pemohon-pemohon telah melanggar peruntukan s 15(1)(c) Akta 155 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

15 Unlawful entry or presence in Malaysia

(1) Without prejudice to any other provision of this Act prohibiting a person from remaining in Malaysia, a person shall not remain in Malaysia.

H

(a) after the cancellation of any Permit or Certificate under this Part;

(b) after the making of a declaration under subsection 14(4);

(c) after the expiration of the period of any Pass relating to or issued to him; or

I

(d) after the notification to him, in such manner as may be prescribed, of the cancellation, under any regulations made under this Act, of any Pass relating to or issued to him, unless he is otherwise authorized to remain in Malaysia under this Act.

[28] Perkataan 'pass' yang digunakan dalam seksyen di atas telah ditakrifkan di bawah s 2(1) Akta 155 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 'Pass' means any Pass issued under any regulations made under this Act entitling the holder thereof to enter and remain temporarily in Malaysia.

[29] Pemohon-pemohon dikatakan memiliki PLS, iaitu suatu pas yang diperuntukkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 (LN 228/1963) yang menyatakan seperti berikut:

> 11 Visit Pass
>
> (1) A Visit Pass may be issued by the Controller to any person other than a prohibited immigrant who satisfies the Controller that he wishes to enter the Federation:
>
> (i) on a social business or professional visit; or
>
> (ii) for temporary employment; or
>
> (iii) as a tourist;
>
> (iv) as the dependent child accompanying or joining the holder of a Work Pass in Sabah.

[30] Mahkamah bersetuju dengan responden bahawa walaupun pemohon-pemohon memiliki PLS yang sah menurut perundangan imigresen pada mulanya, namun, hakikatnya semasa pemohon-pemohon diserahkan kepada JIM Kedah, mereka hanya memiliki PLS yang telah tamat tempoh. Perkara ini sudah cukup kuat untuk membuktikan pemohon-pemohon ini telah terjumlah sebagai orang yang dipercayai, dengan munasabah, sebagai orang yang kena dipindahkan dari Malaysia (*any person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia*) memandangkan pemohon-pemohon telah melanggar s 15(1)(c) Akta 155 sehingga suatu penahanan di bawah s 35 Akta 155 telah diambil terhadap pemohon-pemohon tersebut.

[31] Mahkamah merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Shudangshu Chandra v Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Ors* [2022] 3 MLJ 277; [2022] 3 CLJ 503 yang telah membincangkan berkenaan peruntukan s 35 Akta 155 yang mana, antara lain, menyatakan seperti berikut:

> [6] With respect to learned counsel, I am unable to accede to that submission for as rightly submitted by the learned senior federal counsel ('SFC') since the appellant had committed an offence under reg 39(b), he comes under the phrase *'a person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia'* as highlighted in reproduction of s 35 above and therefore, as authorised by the said provision, his further detention of 30 days is permitted pending a decision on his removal from the country. The said s 35 is not contrary to art 5 because, firstly the clear proviso in art 5(4) on the requirement to produce the arrestee before a Magistrate within 14

A days of his arrest applies to the initial arrest and detention and this requirement is clearly incorporated in s 51(5)(b).

[7] Secondly, his further detention under s 35 was merely pending a decision whether to remove him. It is obvious from Part V of the Act in which the said section is legislated that a 'person liable to removal from Malaysia' is one who has committed a transgression under the Act which warrants the exercise of the Immigration authority's power under s 51(5). Once that said decision to remove is made, then s 34 comes into play. It is therefore a continuous process and given the incorporation of the proviso into s 51(4) as stated earlier there is no legal necessity to repeat the same requirement in s 35. (Penekanan ditambah.)

C

[32] Selain itu, s 35 telah menetapkan bahawa penahanan pemohon-pemohon hendaklah selama tempoh tidak melebihi 30 hari sebelum keputusan sama ada suatu perintah bagi pemindahannya patut dibuat.

D

[33] Oleh itu, pihak responden, setelah pertimbangan dilakukan, berpuas hati bahawa pemohon-pemohon merupakan seorang warganegara asing yang telah berada dalam Malaysia secara menyalahi undang-undang, maka suatu keputusan telah dibuat bahawa pemohon-pemohon hendaklah dipindahkan ke negara asalnya di bawah s 56(2) Akta 155.

E

[34] TPPI Aizat Rashid bin Abdul Aziz telah mengeluarkan satu perintah pemindahan (*order of removal*) di bawah s 56(2) Akta 155 bertarikh 23 Ogos 2023 kepada pemohon-pemohon. Perintah pemindahan ini telah dikeluarkan pada hari kedua selepas penahanan di bawah s 35 Akta 155 dibuat.

F

[35] Mahkamah mendapati bahawa responden telah membuat pertimbangan sama ada suatu perintah bagi pemindahannya patut dibuat dalam tempoh 30 hari tersebut selaras dengan tempoh yang telah ditetapkan oleh s 35 Akta 155 tersebut.

G

[36] Mahkamah berpuas hati bahawa penahanan pemohon-pemohon adalah teratur dan sah menurut undang-undang serta tiada ketidakpatuhan prosedur dilakukan sepanjang penahanan di bawah s 35 Akta 155 tersebut.

H

Isu Kedua: Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur semasa pemohon-pemohon ditahan di bawah s 34 Akta 155

[37] Pemohon-pemohon telah dikeluarkan satu perintah pemindahan (*order of removal*) di bawah s 56(2) Akta 155 bertarikh 23 Ogos 2023. Seksyen 56(2) Akta 155 memperuntukkan seperti yang berikut:

I

56 (2) Any person who is not a citizen unlawfully entering or re-entering or attempting unlawfully to enter or re-enter Malaysia or unlawfully remaining in Malaysia shall whether or not any proceedings are taken against him in respect of

the offence *be liable to be removed from Malaysia by order of the Director General.* (Penekanan ditambah.)

[38] Mahkamah juga bersetuju dengan responden bahawa peruntukan s 56(2) ini hendaklah dibaca bersama dengan s 2(3) Akta 155 yang menjelaskan penggunaan terma 'unlawfully entering or re-entering Malaysia or unlawfully remaining in Malaysia' seperti yang berikut:

(3) Any reference in this Act to a person unlawfully entering or reentering Malaysia or *unlawfully remaining in Malaysia shall include any* act of entering or re-entering or *remaining in Malaysia* which is in contravention of any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act. (Penekanan ditambah.)

[39] Mahkamah mendapati pemohon-pemohon yang didapati telah melanggari peruntukan di bawah s 15(1)(c) Akta 155, telah berada di dalam Malaysia secara menyalahi undang-undang. Oleh itu, pemohon adalah seorang yang boleh dipindah keluar dari Malaysia melalui perintah di bawah s 56(2) Akta 155.

[40] Lanjutan daripada perintah pemindahan tersebut, pada tarikh yang sama, iaitu pada 23 Ogos 2023, TPPI Aizat Rashid bin Abdul Aziz juga telah bertindak mengeluarkan satu perintah penahanan (*order of detention*) di bawah s 34(1) Akta 155.

[41] Seksyen 34(1) Akta 155 memperuntukkan seperti yang berikut:

34 Detention of persons ordered to be removed

(1) Where any person is ordered to be removed from Malaysia under this Act, such person may be detained in custody for such period as may be necessary for the purpose of making arrangements for his removal:

Provided that any person detained under this subsection who Appeals under subsection 33(2) against the order of removal may, in the discretion of the Director General, be released, pending the determination of his appeal, on such conditions as to furnishing security or otherwise as the Director General may deem fit.

(2) Subject to the determination of any appeal under section 33, any person who is ordered to be removed from Malaysia may be placed on board a suitable vessel or aircraft by any police officer or immigration officer, and may be lawfully detained on board the vessel or aircraft, so long as the vessel or aircraft is within the limits of Malaysia.

(3) Any person who is detained in custody in pursuance of an order made by the Director General under subsection (1) may be so detained in any prison, police station or immigration depot, or in any other place appointed for the purpose by the Director General.

[42] Pemohon-pemohon kemudiannya telah dipindahkan dan telah ditempatkan dan ditahan di DIB sementara menunggu proses sewajarnya selesai bagi tujuan pemindahan pemohon-pemohon ke negara asalnya.

[43] Penahanan pemohon-pemohon di bawah s 34 Akta 155 adalah tertakluk kepada peruntukan s 51(5)(b) Akta 155 yang menyatakan seperti berikut:

> (5) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act:
>
> (a) ...
>
> (b) where any person other than a citizen is arrested or detained under this Act, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, and has not been earlier released, or charged in court for an offence against this Act or removed from Malaysia under this Act, he shall, within fourteen days of his arrest or detention, be produced before a Magistrate who shall make an order for his detention for such period as may be required by an immigration officer or a police officer for the purpose of investigations into an offence against this Act, or by an immigration officer for the purpose of either making inquiries, or effecting his removal from Malaysia, under this Act, and any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act providing for the arrest or detention, otherwise than for an offence, of a person who is a citizen, or for the arrest or detention of a person other than a citizen, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, shall be read as being subject to the provisions of paragraph (a) or (b), as may be applicable:
>
> Provided that the Magistrate before whom such person is produced under paragraph (a) or (b), as the case may be, shall not authorize or order the detention of such person for a period in excess of the maximum period which may be specified in the provision under which he is to be detained.

[44] Pemohon-pemohon telah ditahan di bawah s 34 Akta 155 pada 23 Ogos 2023 yang ditempatkan di DIB yang mana telah direman lanjut pada 6 September 2023 hingga 20 September 2023, dan kemudiannya telah disambung reman bermula 20 September 2023 hingga 4 Oktober 2023.

[45] Pengemukaan pemohon-pemohon di hadapan Puan Hakim Mahkamah Sesyen adalah selaras dengan peruntukan di bawah s 51(5)(b) Akta 155. Responden telah merujuk kepada kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu *Shudangshu Chandra v Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Ors* [2022] 3 MLJ 277; [2022] 3 CLJ 503 di mana Rhodzariah Bujang HMP memutuskan seperti yang berikut:

> [9] In this case before us, the undisputed evidence is that the appellant was brought before the learned Magistrate right after his initial arrest and was brought before the

learned SCJ on 1 October 2020 before the expiry of his 30 days detention under s 35, which was before the cancellation of his pass on 14 October 2020 as per the notice dated the same date (see exh. RISM1 to the affidavit of Ruzaana binti Mohamad affirmed on 29 December 2020 at p 165 of AR Vol 3). His re-arrest and detention under s 34 were done on the same day (see 'exh LBJ7' to the affidavit of Lelawati binti Jamaludin affirmed on 29. December 2020 at pp 121 until 122 of AR Vol 3). As noted by the learned HCJ in his judgment, from 1 October 2020 until 30 December 2020, the appellant was brought before the learned SCJ seven times to extend his remand. Therefore, there was no contravention of the law of the like which had happened in *Sajads* case.

[46] Dalam kes ini, pemohon-pemohon telah dibawa di hadapan Puan hakim mahkamah sesyen bagi tujuan tahanan lanjut reman, maka tiada lagi isu berkaitan ketidakpatuhan terhadap undang-undang tersebut.

[47] Mahkamah juga merujuk kepada kes *Andrew s/o Thamboosamy v Superintendent of Pudu Prisons, Kuala Lumpur* [1976] 2 MLJ 156; [1976] 1 LNS 5 yang mana Mahkamah Agung telah menjelaskan hubungan antara ss 34(1) dan 56(2) Akta 155 berhubung dengan penahanan dan pemindahan, iaitu seperti yang berikut:

(1) the power of detention given in section 34(1) is not intended to enable a person to be detained indefinitely in prison;

(2) the order of removal under section 56(2) was a lawful order;

(3) *the order of detention consequential on the order of removal was a means to an end, namely to allow the applicant to be detained so that he might be removed from the Federation, and that it too was a lawful order*;

...

As been laid down in this court in *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister of Home Affairs)* [1969] 2 MLJ 129 when a person complains that he is illegally or improperly detained, it is for the detaining authority to justify the detention. In the ordinary way, he would produce an order of detention, If the person who signed that order had power to do so and had before, when and after signing that order, complied with all conditions laid down by the law, then the order of detention which is authentic and made in good faith is a sufficient answer, and the court must hold the order and detention lawful — unless the detainee alleges and can prove *mala fides.* In the instant case the detaining authority had power to detain the appelant, he had complied with the law in every way and therefore the order of detention was perfectly valid. We agree with Arulnandom J. that the order of detention under s 34(1) is made with a view of to deporting the person detained but we do not agree that when it has been found by the Immigration Department that no country would accept the deportee, the detention then becomes unlawful. A valid detention order under s 34(1) in our opinion remains valid until revoked ...

...

Under the Immigration Ordinance, only the Executive has power to release the appellant. Whether or not the Executive should do so is a matter of policy for them.

A They have information and sources of information not available to the court and are moved by political, economic, social and cultural considerations which the court is not well equipped to apply, and judges should be slow to embarrass them into any course of action. (Penekanan ditambah.)

B **[48]** Berdasarkan peruntukan di atas dan kes yang telah diputuskan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa penahanan pemohon-pemohon adalah teratur dan sah menurut undang-undang serta tiada ketidakpatuhan prosedur dilakukan sepanjang penahanan di bawah s 34 Akta 155 tersebut.

C *Isu ketiga: Sama ada pihak responden telah gagal mematuhi keperluan prosedur yang telah ditetapkan di bawah perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan dan s 51(5)(b) Akta 155 dan menyebabkan penahanan pemohon-pemohon menjadi tidak sah*

D **[49]** Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

5 Liberty of the person

(1)–(3) ...

E (4) Where a person is arrested and not released he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey) be produced before a magistrate and shall not be further detained in custody without the magistrate's authority:

F Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law relating to restricted residence, and all the provisions of this Clause shall be have been an integral part of this Article as from Merdeka Day:

G Provided further that in its application to a person, other than a citizen, who is arrested or detained under the law relating to immigration, this clause shall be read as if there were substituted for the words without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey) the words 'within fourteen days'.

H And provided further that in the case of an arrest for an offence which is triable by a Syariah court, references in this Clause to a magistrate shall be construed as including references to a judge of a Syariah court.

(5) Clauses (3) and (4) do not apply to an enemy alien.

I **[50]** Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bagi tangkapan yang melibatkan orang bukan warganegara di bawah undang-undang imigresen, orang tersebut tanpa kelengahan yang tidak munasabah dalam tempoh masa 14 hari dibawa ke hadapan Majistret, dan bukannya 24 jam seperti tangkapan di bawah undang-undang lain.

[51] Mahkamah mendapati terdapatnya dua jenis penahanan telah dilaksanakan oleh pihak responden terhadap pemohon-pemohon. Penahanan pertama adalah penahanan semula pemohon-pemohon daripada pihak PDRM pada 22 Ogos 2023. Tujuan penahanan di bawah s 35 ini adalah jelas, iaitu bagi suatu pertimbangan dibuat terhadap pemohon-pemohon sama ada suatu perintah bagi pemindahannya patut dibuat dan tempoh pertimbangan ini hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari.

[52] Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan bagi kesalahan imigresen hendaklah dibawa ke hadapan Majistret dalam tempoh 14 hari. Dalam s 35 Akta 155, satu perintah penahanan boleh dibuat tidak melebihi 30 hari. Penahanan terhadap pemohon-pemohon dibuat pada 23 Ogos 2023.

[53] Mahkamah mendapati pada 23 Ogos 2023, satu perintah penahanan di bawah s 34 Akta 155 telah dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon. Selaras dengan peruntukan s 51(5)(b) Akta 155 yang menyatakan bahawa mana-mana orang yang ditahan sama ada untuk suatu kesalahan terhadap Akta 155 dan tidak dilepaskan terlebih dahulu atau dipindahkan dari Malaysia di bawah Akta 155, maka hendaklah dalam masa 14 hari penahanannya dibawa ke hadapan seorang Majistret yang akan membuat suatu perintah penahanan bagi suatu tempoh tertentu sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai imigresen bagi maksud menguatkuasakan pemindahannya dari Malaysia di bawah Akta 155.

[54] Selaras dengan keperluan di bawah s 51(5)(b) tesebut, permohonan tahan lanjut reman telah dilakukan terhadap pemohon-pemohon dan telah dibenarkan oleh mahkamah bagi tempoh 14 hari, iaitu pada tarikh 6 September 2023 hingga 20 September 2023 dan kemudiannya telah disambung reman tersebut bermula 20 September 2023 hingga 4 Oktober 2023.

[55] Peguam bagi pemohon-pemohon membangkitkan bahawa pemohon-pemohon sepatutnya dibawa ke hadapan majistret pada 4 Oktober 2023 dan bukannya pada 6 September 2023. Mahkamah ingin merujuk kepada s 51B Akta 155 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 51B Custody deemed lawful
>
> A person:
>
> (a) Who is being taken to or from an immigration depot; or
>
> (b) Who is being detained at an immigration depot, *shall be deemed to be in lawful custody*. (Penekanan ditambah.)

[56] Mengambil kira hujahan di atas, mahkamah mendapati bahawa penahanan yang dibuat oleh responden adalah teratur dan telah mematuhi kehendak perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan dan s 51(5)(b) Akta 155.

Isu Tambahan: Penahanan pemohon-pemohon telah dibuat secara mala fide oleh responden

Pas khas

[57] Pemohon-pemohon dalam hujahannya mendakwa sepatutnya pemohon-pemohon ini diberikan satu pas khas sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Pemohon-pemohon juga mendakwa memandangkan PLS yang dimiliki oleh pemohon-pemohon telah tamat tempoh semasa reman dan atas alasan itu, pas khas perlu diberikan kepada pemohon-pemohon.

[58] Peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 menyatakan seperti yang berikut:

> 14 Special Pass
>
> (1) A Special Pass may be issued by the Controller to any person if the Controller considers the issue of such a Pass desirable.
>
> (a) in order to afford an opportunity of making enquiry for the purpose of determining whether such person is entitled to an Entry Permit or is otherwise entitled to enter the Federation, Sabah or Sarawak under the provisions of the Ordinance or of these Regulations, or whether such person is a prohibited immigrant; or
>
> (b) in order to afford such person a reasonable opportunity of prosecuting an appeal under the provisions of the Ordinance against any decision of the Controller; or
>
> (c) for any other special reason.
>
> (2)–(5) ...

[59] Dalam kes ini, pemohon-pemohon telah masuk ke Malaysia dengan menggunakan PLS. PLS ini adalah suatu pas yang telah dikeluarkan di bawah peraturan 11(1)(i) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang mana satu pas yang berbeza dengan pas khas yang dikeluarkan di bawah peraturan 14 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

[60] Mahkamah bersetuju bahawa dengan hujahan responden bahawa pemohon-pemohon hendaklah menggunakan keseluruhan pemakaian peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 terlebih dahulu. Pengeluaran pas khas terhadap pemohon-pemohon akan menjadi tidak relevan memandangkan pada asalnya pemohon-pemohon telah masuk ke Malaysia

menggunakan PLS dan pengawal mempunyai kuasa mutlak untuk mengeluarkan apa-apa pas kepada mana-mana orang tertakluk pada peruntukan perundangan terhadap pas-pas tersebut.

[61] Berkenaan isu pas khas, mahkamah berpendapat kuasa diberikan secara mutlak kepada pengawal di bawah Akta dan merupakan isu polisi yang mahkamah tidak sepatutnya menyentuh.

Hak akses pemohon-pemohon telah dinafikan sepanjang ditahan

[62] Pihak pemohon-pemohon juga mendakwa hak akses pemohon-pemohon kepada peguam telah dinafikan sepanjang ditahan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hujahan pemohon-pemohon, permohonan melalui emel pada 2 Oktober 2023 telah dibuat kepada pihak responden dan responden telah memberi maklum balas pada 4 Oktober 2023 menyatakan pemohon-pemohon telah ditempatkan di Depot Imigresen Bukit Jalil. Responden telah bertindak secara suci hati dengan memaklumkan kedudukan terkini pemohon-pemohon ditahan.

[63] Mahkamah juga bersetuju dengan responden bahawa tindakan pemindahan yang dilakukan oleh pihak Depot Imigresen Bukit Jalil adalah selaras dengan perintah pemindahan dan perintah penahanan yang telah dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon. Perintah tahanan yang dikeluarkan adalah di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen yang mana telah menurunkan kuasanya di bawah s 3(3)(b) Akta 155 kepada Pegawai Kanan Imigresen untuk melaksanakan dan menguatkuasakan kuasa-kuasanya di bawah Akta 155.

Hak pemohon-pemohon untuk diwakili oleh peguam dinafikan/permohonan reman tidak dijelaskan dalam bahasa yang difahami

[64] Pihak pemohon-pemohon dalam hujahannya mendakwa bahawa perintah reman bertarikh 6 September 2023 atas alasan-alasan yang berikut:

(a) hak pemohon-pemohon untuk diwakili peguam adalah dinafikan; dan

(b) tujuan permohonan reman tidak diterangkan dalam bahasa yang difahami oleh pemohon-pemohon.

[65] Perlu diberi penekanan bahawa pemohon-pemohon berada dalam tahanan di bawah s 34 Akta 155. Memandangkan pemohon-pemohon masih ditahan di bawah Akta 155, maka penahanan pemohon-pemohon adalah tertakluk kepada s 51(5)(b) Akta 155 (rujukan kepada kes Sajad Hussain Wani lwn Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dan satu lagi [2007] MLJU 897; [2008] 2 CLJ 403).

[66] Mahkamah juga berpendapat bahawa reman yang dibuat di bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah dibezakan dengan reman yang dibuat terhadap pemohon-pemohon di bawah s 51(5)(b) Akta 155. Akta 155 tidak memperuntukkan tatacara khusus mengenai kehadiran peguam (*legal representative*) semasa pemohon-pemohon dibawa ke mahkamah bagi tujuan reman tersebut.

[67] Kehendak dalam s 51(5)(b) Akta 155 adalah jelas, iaitu apabila seorang warganegara asing yang ditahan di bawah Akta 155 dan tidak dilepaskan terlebih dahulu atau dipindahkan dari Malaysia, maka hendaklah dalam masa 14 hari dibawa ke hadapan majistret bagi maksud menguatkuasakan pemindahannya. Peruntukan seksyen ini tidak memperuntukkan keperluan untuk kehadiran peguam semasa perintah lanjutan reman dibuat (kes *Ooi Ah Phua v Officer-in-Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 2 MLJ 198; [1975] 1 LNS 117).

[68] Berkaitan permohonan reman tidak diterangkan dalam bahasa yang difahami oleh pemohon-pemohon, pihak pemohon-pemohon telah merujuk kepada eksh RMI2 afidavit Roshairi bin Md Isa di mana minit permohonan reman tersebut dinyatakan tujuan permohonan diterangkan kepada subjek dalam Bahasa Melayu. Namun, subjek yang dilampirkan dalam minit permohonan reman tersebut jelas menunjukkan pemohon-pemohon warganegara China.

[69] Mahkamah berpendapat bahawa pemohon-pemohon telah dibawa di hadapan hakim mahkamah sesyen dan semestinya Puan hakim mahkamah sesyen telah berpuas hati dan mendapati pemohon-pemohon faham sebelum beliau membenarkan perintah tahanan reman diberikan selama 14 hari dari tarikh 6 September 2023 hingga 20 September 2023.

Isu melanggari doktrin keadilan

[70] Pihak pemohon dalam hujahannya menyatakan bahawa tindakan responden yang menggunakan 'Google Translate' ketika menerangkan perintah penahanan dan perintah pemindahan kepada pemohon-pemohon adalah suatu pelanggaran kepada doktrin keadilan prosedur dan doktrin keadilan substantif.

[71] Pihak pemohon juga mempertikaikan bahasa yang digunakan, iaitu Bahasa Chinese (*simplified*) sedangkan pemohon-pemohon memahami Bahasa Mandarin.

[72] Di zaman teknologi yang berkembang pesat, pihak responden telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menggunakan 'Google Translate' ketika menerangkan perintah penahanan dan perintah pemindahan kepada pemohon-pemohon dalam Bahasa Chinese (*simplified*).

[73] Mahkamah merujuk kepada afidavit Salpol Rohizan bin Mat Salleh yang diikrarkan pada 18 Oktober 2023, yang bertindak sebagai pegawai yang telah menterjemah, menerangkan dan menyerahkan perintah penahanan dan perintah pemindahan tersebut kepada pemohon-pemohon dan telah mengesahkan menggunakan 'Google Translate' sebagai medium komunikasi.

[74] Mahkamah berpendapat bahawa pemohon-pemohon faham akan Bahasa Chinese (*simplified*) dan dengan tindakan pemohon-pemohon yang menurunkan cap jari dalam perintah penahanan dan perintah pemindahan jelas menunjukkan bahawa pemohon-pemohon faham dengan jelas tentang perintah penahanan dan perintah pemindahan tersebut.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[75] Berdasarkan hujahan di atas, mahkamah mendapati bahawa tidak ada ketidakpatuhan prosedur yang dilakukan oleh responden. Oleh itu, mahkamah menolak notis usul yang difailkan oleh pemohon-pemohon di dalam kedua-dua kes.

Notis usul ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh